

MILITARY AND WAR ETHICS IN TIME OF PROPHET MUHAMMAD SAW

ETIKA KETENTERAAN DAN PERANG ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW

Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail, Redwan Yasin & Muntaha Salleh

Faculty of Defence Studies & Management, National Defence University, Malaysia

Abstract

The military organization during the time of the Prophet Muhammad was established as an effort to defend personal and community safety and further as an important element in disseminating Islamic teachings. The main objective of this article is to look at some important aspects involving military ethics and battle or campaign in the time of the Prophet Muhammad, especially the analysis involves a series of battle in the time of the Prophet, and it is an important form of teaching in shaping military ethics in battle, especially humanitarian nature, mutual respect, management of prisoners, property and lives as well as methods of ceasefire in an atmosphere of war. Content analysis method and literature review was used as the primary method in this study and the findings show that Islam has clear rules in terms of military ethics and also certain laws related to battle or war for the benefit of religion, ummah and Islamic teachings.

Keywords: *Ethics, battle, humanity, military, Prophet Muhammad, war*

Abstrak

Organisasi ketenteraan pada zaman nabi Muhammad ditubuhkan sebagai usaha mempertahankan keselamatan diri serta masyarakat dan seterusnya sebagai satu elemen penting dalam menyebarkan syiar Islam. Objektif utama penulisan ini ialah untuk melihat beberapa aspek penting yang melibatkan etika ketenteraan dan perang pada zaman Nabi Muhammad khususnya analisis melibatkan beberapa siri peperangan pada zaman nabi dan ia merupakan satu bentuk pengajaran penting dalam membentuk etika ketenteraan dan perang khususnya sifat perikemanusiaan, saling menghormati hak, pengurusan tawanan, harta serta nyawa serta kaedah gencatan senjata dalam suasana perang. Kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan digunakan sebagai kaedah utama dalam kajian ini dan dapatan kajian menunjukkan Islam mempunyai peraturan yang jelas dalam aspek etika ketenteraan dan juga hukum-hukum tertentu berkaitan dengan peperangan demi kemaslahatan agama, umat dan syiar Islam.

Kata kunci: Etika, Kemanusiaan, Ketenteraan, Nabi Muhammad, Perang

Penulis Utama:

Burhanuddin Jalal

Faculty of Defence Studies
& Management

National Defence
University, Malaysia

E-mel:

burhanuddin@upnm.edu.
my

PENGENALAN

Allah (SWT.) telah memerintahkan umat Islam supaya membuat persiapan dan membentuk kekuatan bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Ini seperti mana yang telah difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Anfal (8:60): Maksudnya: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang mencero boh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya”.

Berdasarkan ayat tersebut, dan untuk menghadapi semua keadaan ini kita perlu kepada kekuatan tentera agar kita tidak boleh dipandang remeh dan rendah oleh pihak musuh. Sumbangan ketenteraan amat besar ertinya kepada agama, bangsa dan tanah air. Kekuatan Islam 14 abad yang lampau telah mendekati kita kepada Islam, yang penting tentera kita perlu mendekati diri kepada Allah, melaksanakan kewajipan agama, menunaikan solat pada waktunya serta makan dan minum sesuatu yang diharamkan oleh Allah agar segala amalan mereka diterima Allah dan disanjung oleh manusia. Demikian apa yang telah tersirat dari sepotong ayat al-Qur'an dalam surah al-Tawbah (9:105): Maksudnya: “Dan katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

Secara umumnya profesion ketenteraan di pandang mulia oleh Islam bahkan satu penghormatan yang tinggi terhadap orang yang melibatkan secara langsung dengan tugas-tugas ketenteraan. Orang yang gugur di medan peperangan atau tugas yang telah diamanahkan demi kepentingan agama, bangsa dan negara dikalungkan sebagai 'syuhada' jauh lebih bernilai daripada penghargaan yang diberikan di dunia ini. Dalam hal ini Rasulullah bersabda yang bermaksud, “Sesiapa yang mati kerana mempertahankan hartanya digelar sebagai syahid. Sesiapa yang mati kerana mempertahankan keluarga dan jiwa rakannya ia digelar sebagai syahid dan sesiapa yang mati kerana mempertahankan agamanya maka akan digelar sebagai syahid” (al-Bukhari 2000).

METODOLOGI

Penulisan kertas ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian kepustakaan digunakan sebagai kaedah utama. Penulisan ini juga merupakan kajian awal serta berbentuk penerokaan dalam usaha untuk membuktikan bahawa Islam menerusi sirah nabi serta sejarah kegemilangan Islam turut mempunyai peraturan yang jelas dalam aspek ketenteraan dan juga hukum-hukum tertentu berkaitan dengan peperangan demi kemaslahatan agama, umat dan syiar Islam.

PERANAN KETENTERAAN

Tentera ialah satu kumpulan profesional yang perlu dimiliki oleh sesebuah negara. Tentera terdiri daripada satu kumpulan yang berorganisasi dan terurus yang sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi apa jua situasi kritikal khususnya peperangan. Menurut Permitter (2002), tentera merupakan satu ikatan persaudaraan dan perikatan sekali gus alat kekuasaan dan birokrasi. Bagi Finer (1962) pula, kelompok tentera ini diwujudkan bagi menghadapi peperangan dan untuk mempertahankan serta memastikan kemenangan untuk mempertahankan kepentingan sebuah negara.

Dalam perjalanan sejarah Islam, masyarakat Islam klasik mula mengenal hal-hal yang berkaitan dengan ketenteraan apabila terbentuknya negara Islam yang pertama iaitu Madinah.

Kajian ketenteraan dari sudut fiqh *siyasah* agak jarang dilakukan. Para pengkaji banyak melihat ketenteraan sebagai satu cabang kajian iaitu dari sudut jihad. Para pengkaji ketenteraan biasanya membuat analisis taksonomi dan konseptual dalam mengkaji bidang ketenteraan. Aspek ini diperlukan untuk melihat kajian ketenteraan dari sudut jenis tentera, bentuk-bentuk hubungan tentera dan awam, dan aspek sejarah ketenteraan. Untuk itu, Huntington (1980) telah mengemukakan tiga bentuk ketenteraan. Pertama, tentera profesional, iaitu bentuk organisasi tentera yang menonjol di negara yang keadaan politiknya stabil. Kedua, ketenteraan pretorian, iaitu bentuk tentera yang berkembang di negara-negara yang keadaan politiknya tidak stabil dan ketiga, tentera revolusi iaitu bentuk yang terdapat di negara yang keadaan politiknya yang stabil, tetapi ia bermula dari suasana politik yang tidak stabil.

Muhammad Najib (1998), dalam mengulas buku, Jacques Van Den berjudul, *Ideology and the Military* telah membahagikan ketenteraan itu kepada tiga landasan ideologi iaitu ideologi politik, ideologi korporat dan ideologi operasi. Berbeza dengan Charles (1974), yang melihat kuat atau tidaknya organisasi tentera di sesebuah negara itu bergantung pada tiga aspek iaitu:

1. Aspek organisasi dan struktur ketenteraan secara profesional.
2. Kemampuan menekan atau mengawal kuasa pemerintahan sesebuah negara khususnya kerajaan yang memerintah.
3. Mempunyai peranan politik dalam sesebuah negara. Ini bermaksud organisasi tentera sebagai *guardian of the state*. Oleh yang demikian tentera mempunyai peranan yang dominan dalam pemerintahan sesebuah negara.

Clauswenz (1967: 36), pernah menyebut bahawa perang hanyalah lanjutan dari tindakan politik dengan cara yang lain. Bagi ahli fikah pula menjelaskan “diwujudkan perang itu kerana ada sebab. Perang bukannya tujuan akhir, kerana menjadi tujuan akhir adalah memberikan hidayah kepada orang kafir. Maka membunuh orang kafir itu bukanlah tujuan, kerana apabila mereka telah mendapat hidayah, perang bukan cara yang terbaik”

Selain itu, terdapat beberapa kajian bagi melihat ketenteraan dari aspek keagamaan. Antaranya:

Jamal al-Din (t.th.) telah menekankan nilai-nilai ideal yang perlu dimiliki oleh sesebuah organisasi ketenteraan menurut pandangan Islam. Zuhayli (1962) dalam *Atharuhu al-Harb fi al-Islam*. Buku ini membahaskan tentang aspek peperangan daripada perspektif Islam. Tidak banyak buku fikah yang melihat peperangan dalam sejarah Islam sebahagian dari sistem kenegaraan dalam Islam. Kebanyakan ahli fikah melihat peperangan sebagai sebahagian daripada misi jihad fi sabil Allah. Bagi Zuhayli (1962) misi jihad sesungguhnya menegakkan nilai-nilai universal dalam Islam, sehingga jihad mengangkat senjata melawan orang kafir bukan satu-satunya bentuk jihad fi sabil Allah. Terdapat jihad dalam bentuk lain seperti melawan hawa nafsu. Namun Zuhayli (1962) tetap mengakui terdapat konsep jihad dan peperangan dalam khazanah ilmu fikah kontemporari. Levy (1979) *The Social Structure of Islam*. Buku ini menjelaskan aspek-aspek sosial dalam Islam yang merangkumi strata sosial dalam Islam termasuk kedudukan wanita, kanak-kanak, aspek perundangan Islam, pendidikan moral, politik, agama dan pemerintahan Islam Selain dari itu terdapat juga bab yang menyentuh tentang ketenteraan Islam secara ringkas. Montgomery Watt menerusi bukunya, “*Prophet and The Statesmen*” telah menjelaskan organisasi ketenteraan di zaman Rasulullah berdasarkan buku-buku sejarah utama dalam Islam iaitu seperti Sirah al-Nabawi oleh Ibn Ishaq, Tarikh

Islami oleh al-Tabari. Afzalur (1990), Muhammad *as military leader*. Buku ini menjelaskan nilai-nilai universal ketenteraan Islam yang selama ini disalah fahami oleh ramai orang. Khususnya golongan bukan Islam. Buku ini juga menjelaskan bahawa Islam disebarkan melalui konsep ketenteraan Islam yang amat murni dan bukan melalui pedang (Islam is a sword). Secara umumnya Afzalur Rahman menjelaskan tentang prinsip-prinsip peperangan dalam Islam dengan banyak mengemukakan dalil-dalil naqliyah sama ada dari al-Qur'an ataupun dari al-Hadis. Berkembangnya organisasi ketenteraan dalam Islam tidak terlepas dari aspek semangat dan nilai-nilai agama yang menjadi landasan perjuangan tentera Islam. Ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan keizinan untuk berperang turut dikaitkan dalam konteks peperangan yang berlaku dalam zaman Nabi Muhammad SAW. Pipes (1993), *Slave soldier and Islam*, yang telah mengkaji perkembangan ketenteraan pada zaman Abbasiyyah, di mana Pipes telah melihat kumpulan tentera pada zaman kerajaan Mamluk (129-205 H). Pipes, menjelaskan tentang maksud '*Slaves soldier*', itu adalah kumpulan anggota tentera pada zaman kerajaan Mamluk yang telah dapat dididik dan dilatih sehingga menjadi tentera Muslim yang berwibawa, terlatih serta telah menghayati Islam sepenuhnya hingga mampu menjaga kerajaan 'Abbasiyyah.

TERMINOLOGI TENTERA DALAM ISLAM

Kajian tentang ketenteraan dari sudut fiqh *siyasa* merupakan bidang kajian keislaman yang jarang dilakukan berbanding dengan kajian-kajian lain. Para penulis dan pengkaji politik sering melihat aspek ketenteraan dari aspek jihad. Secara ringkasnya hubungan antara Islam dengan dan ketenteraan seolah-olah terdapat jurang yang agak jauh kerana institusi ketenteraan sering ditafsirkan sebagai institusi yang penuh larangan dan kerahsiaan. Perkara ini turut diakui oleh Chandran (1975) yang telah menjelaskan bahawa di Malaysia, organisasi tentera dan dasar pertahanan negara kurang mendapat perhatian para pengkaji, mungkin kerana kesukaran untuk mendapat kebenaran dalam usaha menjaga kerahsiaannya. Namun demikian menurut Yahya (2004), dalam Islam terdapat persamaan antara ketenteraan dan Islam yang perlu dilihat dan dikaji.

Pertama: Pertautan ketenteraan dengan politik kenegaraan. Dalam perbincangan Islam dari sudut politik, persoalan yang penting ialah berkaitan dengan aspek kepimpinan setelah kewafatan Nabi Muhammad (s.a.w.) (Harun Nasution 1986 :1). Ini penting kerana Nabi Muhammad (s.a.w.) bukan sahaja sebagai Nabi dan Rasul tetapi juga sebagai pemerintah negara Madinah. Selain dari itu juga turut menjadi ketua kepada angkatan tentera kerana tentera sebagai tunjang kekuatan sesebuah negara.

Kedua: Secara umumnya tentera dan Islam saling berkaitan dalam mencapai matlamat kenegaraan. Ketenteraan sebagai tunjang yang mempunyai kekuatan serta mampu untuk menjaga kepentingan dan kedaulatan negara sekali gus menjaga keselamatan negara dan rakyat.

Ketiga: Dalam konteks sejarah Islam klasik, Islam dan tentera merupakan institusi politik yang sangat berpengaruh dalam percaturan politik negara. Ini dibuktikan dengan peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari kota Mekah ke Madinah dan ternyata di peringkat awal pemerintahan negara Madinah institusi ketenteraan memainkan peranan yang penting. Secara realitinya bahawa beberapa peperangan yang berlaku dalam masa 10 tahun setelah peristiwa hijrah, pihak tentera telah memainkan peranan yang penting dalam pemerintahan negara. Ini terbukti dengan pelantikan beberapa sahabat Nabi sebagai pemimpin tentera dalam usaha memperluaskan pengaruh dan syiar Islam di negara-negara sekitar Mekah dan Madinah.

Para penulis sejarah Islam juga, telah menterjemah atau mengaitkan ketenteraan dengan pelbagai istilah yang berbeza. Antaranya ialah al-‘Askariyyah (Lewis 1993: 504), al-Jaysh (Mahfuz t.th.), al-Jund (Mahfuz t.th.), al-Harb (al-Zuhayli: t.th), al-Ghazwun (Ibn al-Athir: t.th.), al-Qital dan al-jihad (Qutb: 1983). Penggunaan istilah-istilah tersebut pula dapat dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu bagi kumpulan pertama untuk menunjukkan aktiviti perang yang dilakukan oleh tentera Islam seperti *al-jihad*, *al-jund* dan *al-Qital*. Istilah-istilah ini banyak memberikan kekuatan kepada perjuangan Islam dalam konteks mempertahankan Islam dari musuh-musuh luar. Bagi kumpulan yang kedua pula, istilah seperti *al-harb*, *al-‘Askariyyah* dan *al-jaysh* lebih merujuk kepada pengembangan ketenteraan dan juga kenegaraan.

Selain itu, istilah-istilah seperti *al-jihad*, *al-Ghazwun* dan *al-Harb*, pada asasnya mempunyai makna yang sama iaitu memerangi musuh, namun demikian ia membawa kepada dua pengertian memerangi musuh. Pertama memerangi musuh dalam konteks keagamaan dan yang kedua memerangi musuh dalam konteks kenegaraan (Yahya 2004: 23).

- i. Memerangi musuh dalam konteks keagamaan. Musuh yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah musuh kaum Muslimin iaitu golongan bukan Muslim atau orang kafir. Memerangi golongan ini bererti berjuang menegakkan agama (jihad).
- ii. Memerangi musuh dalam konteks kenegaraan. Musuh dalam erti kata yang kedua ini adalah musuh politik iaitu musuh negara Islam Madinah. Ini bermaksud sesiapa sahaja, sama ada Islam atau bukan Islam yang berusaha melawan kepimpinan negara mesti diperangi.

PENGERertian TENTERA

Menurut Kamus Dewan (2005), tentera bermaksud pasukan yang terdiri daripada askar dan lain-lain yang dilatih untuk berperang bagi menjaga keselamatan. Bagi Permuter (1984: 4) mentakrifkan tentera sebagai “sekelompok profesional yang dipercayai oleh sesebuah negara. Tentera umumnya yang terdiri dari kalangan orang yang terorganisasikan dengan disiplin untuk melakukan pertempuran yang tentunya berbeza dengan kelompok orang awam”.

Bagi Fine (1962: 7), tentera bermaksud mereka adalah orang yang terpilih dan digaji oleh pihak kerajaan dan dipersiapkan untuk peperangan serta mempertahankan agama dan juga kedaulatan negara. Oleh yang demikian tentera adalah sekumpulan orang yang mempunyai kemahiran dan juga kepakaran tertentu yang dipersiapkan oleh pihak kerajaan untuk menentang musuh dan mempertahankan negara.

Dari pengertian di atas dapat diambil pengertian bahawa fungsi tentera adalah melaksanakan tugas dalam aspek pertahanan negara yang sebut secara umum sebagai ‘tugas tentera’. Sementara tugas-tugas lain atau peranan lain yang bukan bersifat ‘ketenteraan’ merupakan tugas dan peranan yang dilakukan oleh golongan orang awam atau disebut sebagai ‘peranan agensi awam’ (Yahya 1982: 5).

Pada zaman sebelum Islam, khususnya di Semenanjung Tanah Arab pada waktu itu masih belum wujud istilah ‘tentera’, walaupun pada zaman itu sering berlaku peperangan antara kabilah atau puak-puak bangsa Arab. Namun begitu sejarah menjelaskan bahawa terdapat sekumpulan yang telah ditugaskan oleh puak atau kabilah tertentu yang diberi peranan untuk berperang atau bersiap sedia dengan kekuatan dan senjata bagi memerangi kaum lain atau mempertahankan diri jika diserang oleh kaum lain (Yahya 2004: 43).

Dalam Encyclopedia of Islam yang diselenggarakan oleh Lewis (1983), menjelaskan bahawa pembentukan tentera dalam Islam telah dimulakan sejak zaman Nabi Muhammad (SAW.) khususnya dipelopori oleh golongan Ansar yang berpindah dari Mekah ke Madinah.

Bagi menjelaskan lagi pembentukan tentera pada zaman awal Islam ini, Siddiqi (1954: 2) dalam bukunya, Ilmu pertahanan negara dan kemiliteran dalam Islam menjelaskan, dalam Islam tentera itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu tentera *Murtaziqah* dan tentera *mutathawwiyyah*.

- i. Tentera Murtaziqah. Kumpulan tentera yang dibentuk oleh kerajaan dan diberi gaji tetap oleh pihak kerajaan. Golongan ini memang diwujudkan khusus untuk berperanan sebagai kumpulan yang digunakan untuk mempertahankan negara. Mereka di gaji secara rasmi oleh pihak kerajaan dan sebagai balasannya mereka perlu bersedia untuk berperang. Dalam satu hadis Nabi pernah bersabda, bermaksud: “Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar (r.a.) katanya: nabi telah menghantar satu pasukan tentera ke satu daerah yang bernama Najd. Aku adalah salah seorang di antara mereka, di mana mereka telah berjaya mendapatkan harta rampasan yang banyak seperti unta. Mereka semua mendapat bahagian sebanyak sebelas ekor unta atau dua belas ekor unta dan ditambahkan kepada mereka sekor unta lagi”. Hadis ini menjelaskan bahawa pasukan tentera pada zaman nabi mendapat ganjaran sekiranya menang dalam peperangan.
- ii. Tentera Mutatawwiyyah. Kumpulan tentera yang diwujudkan secara sukarela dan ditubuhkan di atas kesedaran dan kemahuan untuk sama-sama mempertahankan negara. Kumpulan ini tidak hanya terdiri dari kaum lelaki tetapi juga dari kalangan wanita dan kanak-kanak. Pembahagian ketenteraan menunjukkan bahawa peperangan memang dilakukan pada zaman Nabi Muhammad (SAW.). Ternyata peperangan tidak sekadar menegakkan agama Islam tetapi ia juga kewajipan setiap umatnya untuk mempertahankan Islam sekali gus mencintai bangsa dan negaranya.

TENTERA DALAM TRADISI ISLAM

Kajian tentang ketenteraan dalam Islam masih sedikit jika hendak dibandingkan dengan kajian-kajian Islam dalam bidang-bidang lain. Kajian dalam bidang ketenteraan Islam banyak dikaitkan dengan kekhalifahan, *imamah* dan juga isu-isu yang berkaitan dengan politik dan juga pemerintahan dalam Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa konsep tentera dalam Islam pada mulanya hanyalah untuk mempertahankan agama (jihad) yang mempunyai kaitan dengan pemerintahan nilai-nilai keadilan, kemerdekaan dan juga kedamaian.

Al-Mawardi (1960), dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, telah menyentuh aspek ketenteraan dan dihubungkan dengan aspek kepimpinan. Al-Mawardi menyebut bahawa apabila sesebuah negara dalam keadaan darurat atau perang pemimpin yang perlu dilantik adalah dari kalangan tentera, tetapi jika negara menghadapi masalah berkaitan dengan penggunaan sumber tenaga manusia, pemimpin yang perlu dilantik adalah daripada kalangan ilmuwan.

Dalam buku-buku fiqh *siyasah* yang lain, tentera di bahas dalam konteks jihad atau peperangan. Umumnya tentera dianggap sebagai satu profesion yang menjaga negara dan berperanan sebagai satu agensi terpenting dalam negara. Bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan ketenteraan dalam Islam, pemahaman pengertian dan takrif tentera dalam Islam seperti yang telah dijelaskan sebelum ini adalah penting dan ia adalah sebagai landasan bagi membincangkan secara jelas dan dinamik berhubung dengan tentera Islam pada zaman Rasulullah dan seterusnya zaman Khulafa' al-Rashidin.

Menurut Permuter (1984: 4), tentera sebagai “sekelompok profesional yang dipercayai oleh sesebuah negara. Tentera umumnya yang terdiri dari kalangan orang yang

terorganisasikan dengan disiplin untuk melakukan pertempuran yang tentunya berbeza dengan kelompok orang awam”.

Bagi Fine (1962: 7), tentera bermaksud mereka adalah orang yang terpilih dan digaji oleh pihak kerajaan dan dipersiapkan untuk peperangan serta mempertahankan agama dan juga kedaulatan negara. Oleh yang demikian tentera adalah sekumpulan orang yang mempunyai kemahiran dan juga kepakaran tertentu yang dipersiapkan oleh pihak kerajaan untuk menentang musuh dan mempertahankan negara.

Dalam Islam, istilah tentera mula digunakan sejak tahun kedua hijrah iaitu sejak berlakunya Perang Badar, di mana kaum Muslimin dan Muslimat di negara Madinah berperang dengan tentera kaum musyrikin di bawah pimpinan Abu Sufyan (Yahya: 2006).

AYAT-AYAT AL-QURAN BERKAITAN DENGAN KETENTERAAN

Dalam kitab suci al-Quran dalam Surah al-Baqarah (2:256) terdapat beberapa ayat yang menyentuh aspek ketenteraan dan juga peperangan yang dibenarkan dalam Islam. Firman Allah yang bermaksud, Maksudnya: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu sesiapa yang tidak percayakan taghut dan ia pula beriman kepada Allah, sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali Allah) yang teguh dan tidak akan putus asa dan (ingatlah) Allah amat mendengar lagi amat mengetahui”.

Dalam ayat di atas menjelaskan bahawa Islam disebarkan bukan atas paksaan atau kekerasan. Sesungguhnya tidak ada paksaan bagi seseorang untuk memeluk Islam. Bagi individu yang telah memeluk Islam, ia tidak boleh dipaksa oleh orang lain untuk menyekutukan Allah bahkan wajib bagi dirinya untuk mempertahankan apa yang telah diyakini itu sebagai akidah. Menyentuh aspek hak-hak beragama, Islam telah menjelaskan melalui apa yang disebut sebagai al-Daruriyyat al-Khams atau kepentingan yang lima iaitu menjaga agama, menjaga akal, menjaga nyawa, menjaga harta dan menjaga keturunan (al-Shatibi t.th.: 4). Menurut Shatibi lagi maksud menjaga lima kepentingan tersebut merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Menjaga Agama (Hifz al-din) bermaksud hak untuk memilih agama dan melaksanakan ajaran agama dan mengamalkannya dalam kehidupan.
- ii. Menjaga akal (Hifz al-‘aql) bermaksud kebebasan berfikir dan mengemukakan pendapat bagi memperoleh keadilan dan kebenaran.
- iii. Menjaga nyawa (Hifz al-Nafs) bermaksud hak untuk menjaga kepentingan nyawa iaitu kehidupan manusia supaya boleh hidup sesuai dengan keadaan sekelilingnya.
- iv. Menjaga harta (Hifz al-Mal) bermaksud bebas untuk mencari, mengumpul harta serta menggunakannya bagi kepentingan diri dalam kehidupannya.
- v. Menjaga keturunan (Hifz al-Nasab) bermaksud setiap insan berhak untuk mempunyai keturunan, menjaga keturunan dan memastikan keturunannya berkembang dan berterusan.

Dalam ayat yang lain, Allah telah berfirman dalam surah al-Ghasiyyah (8:22-23). Maksudnya: “Bukankah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu, akan tetapi sesiapa yang berpaling dari kebenaran serta ia kufur ingkar”. Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang inginkan kekacauan atau peperangan dalam dunia ini, kerana semua orang inginkan keamanan dan kedamaian. Dalam hal ini, al-Fazlur (1990: 24-25), mentafsirkan bahawa Allah memberikan kebenaran berperang berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang telah diturunkan itu berdasarkan beberapa syarat:

- i. Kerana kaum Muslimin teraniaya atau ingin mempertahankan diri.
- ii. Menjaga agama.
- iii. Kebebasan beragama terancam atau dihalang.

Bagi al-Zuhayli (1962: 48), peperangan itu pada dasarnya menghilangkan nyawa manusia, tetapi dalam konteks jihad ia dibenarkan bagi mempertahankan agama (Islam) . Firman Allah dalam al-Baqarah (2:93 & 216) yang bermaksud, “Dan pergilah mereka sehingga tidak ada lagi fitrah (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan melainkan terhadap orang yang zalim”.

TANGGUNGJAWAB KETENTERAAN DALAM ISLAM

Tanggungjawab ketenteraan dalam Islam merupakan kewajipan akidah dan jihad yang berlandaskan syariat serta akhlak Islam yang dilaksanakan melalui tanggungjawab kepimpinan negara Islam yang sah. Pelaksanaan dan tindakan ketenteraan hendaklah berlaku dengan kaedah-kaedah dan peraturan seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, sunnah dan perincian hukum oleh ijmak sahabat Rasulullah (SAW.). Dengan ini tanggungjawab ketenteraan adalah juga tuntutan iman, Islam dan ihsan sebagai ibadat yang tertinggi untuk meninggikan kalimah Allah. Operasi ketenteraan Islam adalah operasi merealisasikan dakwah Islamiah kepada seluruh umat manusia. Dengan sebab itu setiap anggota tentera dalam Islam adalah pendakwah di jalan Allah. Tentera menyebarkan dakwah Islamiah jika tentera itu benar-benar melaksanakan tugas jihad perang pada jalan Allah seperti mana yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah apabila negara Islam Madinah ditubuhkan (Ideris 1987). Antara tanggungjawab ketenteraan Islam merangkumi perkara berikut:

Pemeliharaan akidah. Islam meletakkan akidah atau arkan yang di seberang lautan ini yang mengkufuri engkau sehingga dia beriman kepada engkau...” . Demikian antara matlamat peperangan dan jihad dalam Islam, dan mereka berani untuk terus berjuang demi menegakkan kalimah tauhid atas nama jihad dan sentiasa menghayati firman Allah (SWT.) dalam Surah al-Tawbah (9:111). Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar”

Pelaksanaan dakwah Islamiah. Tentera bertanggungjawab terhadap dakwah Islamiah apabila ia dapat memperluaskan kuasa dan penubuhan kerajaan atau perluasan jajahan takluk. Tentera berperanan sebagai pendakwah dan menyampaikan dakwah kepada manusia, membebaskan manusia syirik dan kufur kepada nur Islam. Mereka membawa pedang membuka negeri bukan tujuan untuk menjajah, tetapi membebaskan manusia dari syirik dan penyembahan berhala. Tujuan mereka adalah melaksanakan penyebaran agama Allah dan Syariat Islam.

Melaksanakan jihad. Sesungguhnya pedang atau peperangan dalam Islam bukanlah pemusnah, penghancur atau kezaliman tetapi pedang dalam Islam merupakan senjata untuk melurus, memberi dan mengawal. Diriwayatkan bahawa Nabi SAW pada suatu ketika memegang al-Quran di tangan kanannya dan memegang pedang di tangan kirinya dan menyatakan, “aku diutus kepada manusia dengan ini (merujuk kepada al-Quran) dan juga dengan ini (merujuk kepada pedang). Aku akan betulkan manusia supaya berjalan di atas yang lurus. Pedang berguna untuk menjaga mereka kembali ke jalan Allah sekiranya mereka telah menyeleweng”.

PERANAN TENTERA BAGI UMAT ISLAM

Allah SWT telah menetapkan bahawa kepentingan dunia ini perlu dipertahankan dan juga kepentingan mempertahankan prinsip Islam di atas muka bumi ini. Dalam kitab suci al-Quran telah dijelaskan tentang kepentingan jihad dan mengarahkan umat Islam supaya sentiasa berjihad di jalan Allah. Firman Allah dalam Surah al-Tawbah (9:41), maksudnya, “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab), dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam), yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui”.

Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya, Mukhtasar Ibn Kathir (1988), dalam aspek jihad telah menjelaskan bahawa “Allah SWT telah memerintahkan seluruh kaum Muslimin bergerak bersama Rasulullah SAW dalam perang Tabuk untuk memerangi musuh-musuh Allah, iaitu bangsa Romawi, sama ada yang senang atau susah atau yang muda atau yang tua kerana kaum Muslimin telah mendengar berita bahawa bangsa Romawi telah bersiap sedia untuk menyerang Madinah.

Dari pengalaman sirah Islam, telah membuktikan bahawa kaum Muslim khususnya pada zaman Rasulullah, zaman sahabat, zaman Khulafa’ al-Rashidin ataupun pada zaman Dawlah Umawiyah dan Dawlah ‘Abbasiyyah. Kesan dari ketinggian semangat jihad yang wujud dalam diri umat Islam terdahulu terbukti dengan ketinggian dan kemuliaan umat Islam pada waktu itu. Keadaan sebaliknya pula berlaku apabila umat Islam telah mula mengabaikan semangat jihad ini, kaum Muslimin telah berubah umpama apa yang telah disebutkan oleh Rasulullah SAW, dalam sabdanya yang bermaksud, “Kamu (umat Islam) hampir ditelan atau dikuasai oleh bangsa-bangsa seperti gelojohnya mereka menelan makanan, kelak Allah mencabut (menghapuskan) perasaan gerun dari hati-hati musuh kamu ketika itu juga Allah menimbulkan perasaan lemah dalam hati-hati kamu”. Seorang sahabat bertanya: “apakah bilangan kami (umat Islam sedikit pada ketika itu ya Rasulullah?”. Baginda menjawab: “Tidak, malahan lebih ramai bilangan kamu, tetapi ramainya kamu ibarat buih-buih di permukaan air yang mengalir”. Seorang sahabat lagi bertanya: “Apakah kelemahan itu ya Rasulullah?”. Baginda menjelaskan: “Cinta kepada dunia dan benci (takut) kepada mati”.

Berdasarkan keadaan tersebut umat Islam mempunyai peranan untuk mempertahankan Islam dan salah satu pendekatan yang penting ialah melalui ketenteraan Islam. Dalam hal ini Shaltut (1993), menjelaskan bahawa tentera merupakan sebahagian dalam masyarakat dan tentera mempunyai dua kategori iaitu:

Memasuki perkhidmatan tentera secara sukarela iaitu individu yang memasuki perkhidmatan tentera secara sukarela dan memilih tentera sebagai satu bidang kerja dalam hidup. Mereka mendapat gaji bulanan dan dalam keadaan aman mereka berlatih dalam ilmu ketenteraan. Ini seperti mana yang kita dapat lihat di pusat-pusat latihan ketenteraan ataupun akademi ketenteraan di mana anggota belajar atau berlatih dalam tempoh yang tertentu dalam usaha menjadi tentera yang berketerampilan dan berwibawa sekali gus dapat membina sebuah angkatan tentera yang mantap.

Memasuki tentera secara kerahan wajib. Dalam bentuk ini setiap warga negara lelaki yang telah mencukupi umur 18 tahun, mereka diwajibkan memasuki akademi tentera untuk berlatih dan berkhidmat sebagai anggota tentera untuk tempoh yang ditetapkan. Biasanya dalam tempoh satu tahun hingga tiga tahun. Setelah tempoh tersebut mereka kembali menjadi orang awam, namun demikian dalam tempoh-tempoh tertentu mereka akan dipanggil untuk menjalani latihan ketenteraan.

STRATEGI PEMBINAAN DAN PERSIAPAN ANGGOTA KETENTERAAN

Al-Quran telah menjelaskan bahawa umat Islam adalah umat yang dipilih dan diamanahkan dengan jihad (al-Hajj 22-28). Oleh yang demikian, seluruh kehidupan mereka adalah dikerah untuk menunaikan kewajipan itu dengan sebaik-baiknya. Kewajipan ini dapat disempurnakan melalui persiapan dan perancangan yang rapi dalam pelbagai perkara. Islam melihat persiapan yang rapi bagi memikul tugas ini sebagai perintah Allah (al-Anfal 8: 60; Al 'Imran 3: 200). Perkataan *idadu'* yang digunakan dalam al-Qur'an adalah terbitan dari pada perkataan *i'dadu* yang membawa makna menjadikannya seperti yang diinginkan atau memperoleh sesuai dengan keperluan. Pengertian *i'dadu* itu dipermudahkan penjelasannya oleh Sharbashi sebagai membuat maklumat persiapan bagi menghadapi situasi yang akan datang, sama ada dalam bentuk kekuasaan ekonomi atau kekuasaan ketenteraan (Mahayuddin 1984).

Al-Quran mengisyaratkan perintah membuat persiapan ini dengan menekankan dua perkara utama. Perkara pertama ialah membuat persiapan semua perkara atau faktor kekuatan sekadar mampu, manakala faktor kedua ialah membuat persiapan ketenteraan ke tahap maksimum. Faktor-faktor kekuasaan ummah dan negara mempunyai kaitan di antara satu sama lain. Kekuatan ekonomi misalnya memerlukan kestabilan politik, kekuatan politik dan ekonomi pula memerlukan kekuatan tahap pendidikan umat dan seterusnya pula memerlukan kekuatan masyarakat, kemudian diperkukuhkan pula dengan kekuatan psikologi dan ketenteraan. Kepincangan mana-mana daripada faktor-faktor yang disebutkan akan memberi kesan yang nyata kepada faktor kekuatan lain. Oleh itu makna persiapan ini dalam pengertian yang menyeluruh dan padu. Manakala perkara kedua daripada makna persiapan itu, jelas merujuk kepada maksud sebuah hadis yang menekankan kepada aspek kekuatan ketenteraan dan persenjataan. Walau bagaimanapun ulama tafsir menekankan pengertian kekuatan itu dalam makna yang luas. Ini berdasarkan kepada perkataan '*qudwa*' yang digunakan dalam al-Quran itu dengan perkara yang boleh memperkuatkan menghadapi peperangan ((Mahayuddin 1984).

Penjelasan al-Quran itu menunjukkan bahawa ruang lingkup kekuatan itu adalah luas dan melibatkan semua aspek kehidupan manusia. Penglibatan demikian adalah sesuai dengan tabii peperangan yang bukan sahaja melibatkan aspek ketenteraan semata-mata tetapi seluruh kehidupan manusia. Al-Quran tidak menafikan kepentingan kekuasaan kebendaan bagi memenuhi dan menghadapi tugas jihad. Walau bagaimanapun aspek kekuatan rohani adalah aspek yang ditekankan oleh Islam. Kekuatan rohani ini adalah berpusat kepada kekuatan hati yang bersendikan kepada ikatan akidah. Kekuatan akidah yang dibina melalui perhubungan hamba dengan tuhanNya akan diperkuatkan pula oleh pertolongan Allah, kesan daripada kecintaan dan keredaan kepada Allah. Perhubungan ini akan memperkuatkan hati manusia sama ada dengan pertolongan Allah melalui kebenaran, penyaksian, kesan kerelaan dan kecintaan kepada Allah. Islam menekankan aspek kekuatan rohani ini sebagai satu aspek yang penting kerana ia melibatkan pembinaan kekuatan iman dan ketinggian akhlak. Pembinaan kekuatan iman dan akhlak adalah aspek pembinaan kekuatan dan kesempurnaan manusia. Oleh itu, aspek pembinaan kerohanian ini adalah aspek yang diutamakan dalam Islam. Di samping tidak melupakan aspek-aspek yang lain, yang juga dianggap penting (Mohammad Rahim 1998).

Saranan al-Quran mengenai persiapan kekuatan kepada tahap yang boleh menakutkan musuh itu, telah mensyaratkan satu bentuk strategi '*deterence*' yang unik. Walau bagaimanapun strategi '*deterence*' yang diperkenalkan Islam adalah berbeza dengan konsep '*deterence*' yang difahami dalam strategi ketenteraan moden. Perbezaan ini boleh dilihat dari segi latar belakang sejarah pertumbuhan dan matlamat. Perbezaan ini juga tidak menafikan beberapa unsur persamaan yang positif, khususnya dilihat dari sudut mewujudkan sesuatu kerahmatan sejagat, umpamanya dengan wujud perimbangan kuasa yang boleh mengelak peperangan.

Islam telah ditanggapi oleh kebanyakan orang Barat atau orang seumpamanya sebagai agama yang disebarkan melalui mata pedang. Tanggapan yang keliru dan mengelirukan serta mengandung unsur-unsur prejudis. Ini telah lama diinginkan oleh musuh-musuh Islam dan ianya masih diterima dan dipercayai oleh kebanyakan manusia. Walau bagaimanapun hakikat Islam sebagai *al-din* yang membawa gagasan rahmat dan keselamatan sejagat masih tetap asli.

DOKTRIN KETENTERAAN DAN STRATEGI KETENTERAAN

Berdasarkan takrif yang diberikan oleh Bert Chapman (2009) dalam *Military Doctrine: A Reference Handbook*, doktrin ketenteraan bermaksud, rujukan yang dibina dan diwujudkan dalam organisasi ketenteraan bagi membantu menyeramkan operasi serta memudahkan pelaksanaan tugas ketenteraan. Doktrin menghubungkan teori, sejarah, dasar pentadbiran sekali gus sebagai pernyataan berwibawa tentang organisasi tentera beroperasi dan sebagai dasar umum dalam pengurusan strategi ketenteraan.

Strategi adalah suatu istilah yang menunjukkan adanya sesuatu yang harus dicapai atau diwujudkan. Definisi yang diambil dari bahagian ketenteraan Amerika Syarikat (US) mengatakan strategi adalah seni dan ilmu mengenai perkembangan serta penggunaan kekuatan politik, ekonomi, psikologi dan tentera yang diperlukan dalam keadaan damai dan perang, agar dapat memberikan dukungan maksimum kepada kebijaksanaan (polisi), meningkatkan kemampuan dan kesan yang menguntungkan supaya tercapai kemenangan serta mengurangkan kemungkinan kekalahan (Muhammad Abu Ayyasy T.Th:40). Manakala menurut al-Butush (2014:19) turut menyatakan strategi tersebut merupakan satu usaha kreatif ke arah perubahan menggunakan sesebuah angkatan tentera dalam memperkemaskan strategi pertahanan negara, dengan tujuan mewujudkan satu keadaan yang boleh menjamin kejayaan dan hasil yang berlipat ganda berada di tahap maksimum dari segi pencapaian matlamat ketenteraan yang diharapkan.

Strategi peperangan pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW terjadi disebabkan kaum Musyrikin Makkah sentiasa menentang dakwah baginda dalam menyebarkan agama Islam. Malah, mereka turut merancang untuk membunuh baginda agar penyebaran agama Islam terhenti dan kedudukan mereka sebagai pemimpin Quraisy terjamin. Oleh hal demikian, bagi menghalang kaum musyrikin mencero boh ke atas umat Islam, baginda mengadakan musyawarah bersama para sahabat untuk menghasilkan pelbagai strategi yang efektif dan berkesan (Ahmad Azan 2010:3).

Menurut Gholam Reza Zandi (2015:22) mendapati sebanyak 20 pilihan strategi (strategic choice) berdasarkan sirah Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, selepas pengkaji menganalisis kajian yang dilakukan oleh Gholam Reza Zandi berdasarkan 27 siri peperangan yang diketuai oleh baginda, terdapat lima strategi atau taktik yang diguna pakai dalam menghadapi pihak musuh:

1. Operasi serang mengejut (penyamaran) dan perang saraf (*raids and patrols fighting, deterrence and moral influence operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan Waddan, Buwat, Dhi al-Ushayrah, Safwan (Badar al-Ula), Bani Sulaym, Dhi Amar (Ghatfan), Bahran, Dhat al-Riqac , Badar al-Akhir, Dumah al-Jundal, Bani Lihyan, dan Bani al-Mushtalaq. Peperangan Bani al-Mushtalaq menjadi salah satu peperangan dengan menggunakan strategi menyerang secara mengejut di pihak lawan. Kejadian ini berlaku pada bulan Shcaban tahun ke-6 Hijrah (al-Mubarakfuri 2007:325).
2. Operasi pertahanan (*defensive operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan Badar al-Kubra, Uhud dan Khandak (Ahzab). Peperangan Ahzab atau dikenali sebagai Khandak merupakan salah satu siri peperangan dengan menggunakan strategi bertahan di kawasan sendiri. Peristiwa ini berlaku pada

bulan Shawwal tahun ke-5 Hijrah dan berpunca daripada beberapa pemimpin Bani Nadhir termasuk Salam bin Abu al-Haqiq bertemu pembesar Quraysh dan mengajak mereka bersatu untuk meyerang kaum Muslimin di Madinah (Ibnu Kathir, 1990 Jilid 4:94).

3. Operasi serangan (*offensive operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan Pembukaan Kota Makkah, Hunayn dan Tabuk. Serangan ke atas kaum Quraysh merupakan satu strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW semasa pembukaan Kota Makkah pada bulan Ramadhan tahun ke-8 Hijrah (Ibnu Kathir 1990: jil 4:278).
4. Operasi mengejar (*pursuit operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan al-Suwayq, Hamra' al-Asad dan Dhi al-Qarad (al-Ghabah). Peperangan al-Suwayq berlaku pada bulan Zul Hijjah pada tahun ke-2 Hijrah dan berpunca pencerobohan yang dilakukan oleh Abu Sufyan bin Harb bersama pengikutnya ke atas penduduk di pinggir Madinah (Ibn Hisham, 1990: jilid 3:6). Peperangan ini boleh dikatakan serangan membalas dendam kaum Mushrikin Makkah yang kalah dalam peperangan Badar ke atas kaum Muslimin di Madinah.
5. Operasi pengepungan dan pertempuran di kawasan perkampungan (*siege and killings in fortified villages operations*). Operasi ini digunakan semasa peperangan Bani Qaynuqa', Bani Nadir, Bani Qurayzah, Khaibar, Wadi al-Qura dan Taif. Misi peperangan Taif merupakan sebuah rentetan dari Peperangan Hunayn atau dikenali juga Peperangan Hawazin. Peperangan Taif berlaku pada bulan Shawwal tahun ke-8 Hijrah yang berpunca dari sebahagian tentera Hawazin melarikan diri ke Taif bersama pemimpin mereka iaitu Malik bin Auf al-Nasri (ibnu Kathir 1990: jil 4:346).

KESIMPULAN

Secara umumnya pembinaan dan pembangunan institusi ketenteraan dalam Islam ialah untuk memenuhi keperluan bagi mempertahankan diri serta memperkukuh keselamatan umat dan negara dari terus diganggu gugat atau untuk membina kekuatan umat dari terus di ceroboh dan ditindas. Organisasi ketenteraan Islam berkembang selaras dengan kemajuan dan kenegaraan Islam dan secara umumnya Islam membatasi peperangan atas alasan yang kukuh iaitu faktor waktu, tempat peperangan dan juga disiplin serta doktrin ketenteraan yang tegas dalam peperangan.

RUJUKAN

Al-Quran

- Afzalur Rahman. (1990). *Muhammad panglima tentera*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi
- Ahmad Azan Ridzuan, Mohd Juraimy Hj Kadir, Hasan Al-Banna Mohamed & Aman Daiman Md Zain. (2010). *Peperangan Nabi Muhammad SAW: Analisa strategi peperangan dan pertahanan*. International Conference on Da'wah and Islamic Management.
- Al-Butush, Yahya Bashir. (2014). *Al-takhtit al-askari fi al-sunnah al-nabawiyyah*. Penterjemah: Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. Kuala Lumpur, Markas Angkatan Tentera Malaysia
- Ali Mahfuz, Muhammad Jamaluddin..t.th. *al-Askariyyah al-Islamiyyah wa nahdasina al-hadariyyah*. Misr: t. P.
- al-Mawardi, Abu Hassan 'Ali Muhammad Habib al-Basri. 1960. *Kitab al-ahkam al-sulniyyah*. Bayrut: Dar al-fikr
- Al-Mubarakfuri, Safi Al-Rahman Al-Mubarakfuri. 2007. *Al-rahiq al-makhtum alhind wizarah al-awqaf wa al-shuun al-islamiyah*.
- Amus Permitter. (1984). *Militer dan politik*. Cet. Ke-2. Jakarta: PT Rajawali Press.
- Bert Chapman. (2009). *Military Doctrine: A Reference Handbook*. Santa Barbara, Cal.: ABC-CLIO,
- Bukhari. (2000). *Sahih Bukhari dalam Mawsu'at al-hadith al-sharif*. Pnys. al-Salih'Abd al-'Aziz Muhammad Ibrahim. Makkah: Dar al-Salam al-Nasr wa al-Tawzi
- Clausewitz, Carol Von. (1967). *On war*. New Jersey: Princeton University Press
- Cochran, Charles.(1974). *Civil military: changing concepts in seventies*. New York: Free Press.
- Finer, S. E. (1962). *Themen on the horseback: the rule of the military in the politics*. New York: Frederick A. Presage.
- Gholam Reza Zandi, Naser Zandi Pour Joupari dan Ayesha Aslam. (2015). *The Strategies in the Battles and Struggles of Prophet Muhammad: How It Can Be Applied in Modern Business*. Vol 8, no 11. Canadian Center of Science and Education.
- Harun Nasution. (1986). *Teologi Islam: aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*. Jakarta: UI Press
- Ibn Kathir. (1988). *Mukhtasar tafsir Ibn Kathir*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Victory Agency
- Ibn al-Athir. t.th. *al-Kamil fi al-tarikh*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Hisham, Abu Muhammad Abdul Malik. (1990). *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibnu Hisham*. Beirut. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibnu Kathir. (1990). *Al-bidayah wa al-nihayah*. Beirut, Maktabah al-Macarif
- Ideris Endot. (1987). *Ketenteraan Islam*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam: Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imam Yahya. (2004). *Tradisi militer dalam Islam*. Yogyakarta: Logung Pustaka. Indonesia: Citra Islami Press.
- Jeshurun, Chandran. (1975). *The Development of Malaysian Armed Forces*. Singapura: Institute of Southeast Studies
- Kamus Dewan. (2005). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Levy, Reuben. (1979). *The social structure of Islam*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mahayuddin Yahya. (1984). *Ketahanan dan pertahanan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mohammed Rahim Awang. (1989). *Penghayatan nilai agama di kalangan anggota Tentera Darat* Dlm Jurnal Sorotan Darat Bil 19/1989. Kuala Lumpur: Markas Latihan Tentera Darat.
- Muhammad Abu Ayyasy. Tanpa tarikh. *Strategi perang Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur. Synergy Media.

- Muhammad Najib Azar. (1988). *Hegemoni tentera*. Yogyakarta: LKIS
- Philip K. Hitti. (1970). *History of Arab*. Edinburgh: Mc Milan.
- Pipes, Daniel. (1993). *Slaves soldiers and Islam*. Jakarta: Pustaka Firdaus
- Qutb, Sayyid Muhammad. (1983). *Fizilal al-Quran*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Pustaka Dian.
- Samuel, P. Huntington. (1980). *Political order in changing societies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shaltut, Mahmud. (1966). *Min taujihat al-Islam* . Al-Qahirah: Dar al-Qalam.
- Watt, Wiliiam Montgomery. (1969). *Muhammad prophet and statesman*. London-New York: Oxford University Press.
- Yahya Abdul Muhaimin. (1982). *Perkembangan Militer dalam politik Indonesia 1945 – 1966*. Yogyakarta: Yogyakarta university press.
- Zuhayli, Wahbah. (1962). *Atasaru al-Harb fi al-Islam dirasah muqaranah*. Dimashq: Dar al-Fikr.